

KAEDAH PENYELIDIKAN DALAM SAINS SOSIAL

Penulis:

Tee Tze Kiong
Mimi Mohaffyza Mohamad
Yee Mei Heong

e-mel:

tktee@uthm.edu.my
mimi@uthm.edu.my
mhyyee@uthm.edu.my

Abstrak:

Kaedah Penyelidikan dalam Sains Sosial merupakan salah satu kaedah yang boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat terkini yang bertujuan untuk menambahbaik kualiti dalam membuat penyelidikan. Buku ini merupakan kupasan yang membincangkan aspek-aspek yang berkaitan dengan penyelidikan. Perkongsian maklumat dalam buku ini diharapkan dapat membantu penyelidik-penyelidik, pendidik-pendidik, bakal-bakal graduan dalam perkongsian teknik-teknik dan cara-cara yang digunakan untuk membuat penyelidikan dalam sains sosial serta rujukan sokongan bagi menghasilkan penyelidikan dan penulisan akademik yang berkualiti.

Kata kunci: Penyelidikan Sains Sosial, Teknik dan Kaedah Penyelidikan, Rujukan Akademik.

Kaedah Penyelidikan dalam

SAINS SOSIAL



EDITOR

Tee Tze Kiong

Mimi Mohaffyza Mohamad

Yee Mei Heong



**Penerbit
UTHM**

Kaedah Penyelidikan dalam

SAINS SOSIAL



EDITOR

**Tee Tze Kiong
Mimi Mohaffyza Mohamad
Yee Mei Heong**



2025

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam sebarang bentuk elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau sebarang bentuk lain tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Sebarang rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Editor:
Tee Tze Kiong
Mimi Mohaffyza Mohamad
Yee Mei Heong

Diterbit dan dicetak oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
Tel: 07-453 8529/ 8698

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah ahli
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-163-6

SENARAI KANDUNGAN

<i>Senarai Singkatan</i>	vii
<i>Prakata</i>	ix
<i>Penghargaan</i>	xi
BAB 1	
PENYELIDIKAN DALAM TVET	1
<i>Mimi Mohaffyza Mohamad, Noorazah Sadli, Zurani Buang & Rafizi Mohd Taha</i>	
BAB 2	
PERANCANGAN PENYELIDIKAN	21
<i>Tee Tze Kiong, Nurul Nabilah Binti Mohd Yazid & Nuraliah Abd Nasir</i>	
BAB 3	
ISU DAN MASALAH DALAM PENYELIDIKAN	39
<i>Mohd Zulfadli Rozali & Nor Hidayah Hamdan</i>	
BAB 4	
SOROTAN LITERASI	65
<i>Rafeizah Mohd Zulkifli & Mohd Azlan Bin Mohammad Hussain</i>	
BAB 5	
PENDEKATAN PENYELIDIKAN KUANTITATIF	83
<i>Yee Mei Heong</i>	

BAB 6	
TEKNIK DELPHI DALAM PENYELIDIKAN	105
<i>Hashima Hamid & Ahmad Rizal Madar</i>	
BAB 7	
PEMBANGUNAN METODOLOGI KAJIAN	121
<i>Haryanti Mohd Affandi, Nurhafizah Abdul Musid & Ridzwan Abdul Mutalib</i>	
BAB 8	
TEKNIK PERSAMPELAN	143
<i>Nurulwahida Azid & Raja Haslinda Raja Mohd Ali</i>	
BAB 9	
PENGANALISISAN DATA ISM	167
<i>Mohd Norulhisham Abd Rashid, Firdaus Mohamad Hamzah, Mohd Nizam Ab Rahman, Mohamad Sattar Rasul & Nurull Zuraida Shafie</i>	
 <i>Glosari</i>	 183
<i>Biografi</i>	187
<i>Indeks</i>	191

PRAKATA

Kaedah penyelidikan dalam sains sosial merupakan salah satu kaedah yang boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat yang terkini yang bertujuan untuk menambahbaik kualiti dalam membuat penyelidikan. Buku ini merupakan kupasan yang membincangkan aspek-aspek yang berkaitan dengan penyelidikan. Perkongsian maklumat dalam buku ini diharapkan dapat membantu penyelidik-penyelidik, pendidik-pendidik, bakal-bakal graduan dalam perkongsian teknik-teknik dan cara-cara yang digunakan untuk membuat penyelidikan dalam sains sosial serta menjadi rujukan sokongan bagi menghasilkan penyelidikan dan penulisan akademik yang berkualiti.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diberikan kepada semua yang menyumbang dalam penghasilan buku ini. Semoga ia menjadi motivasi dan memberi manfaat yang berpanjangan.

Editor
Tee Tze Kiong
Mimi Mohaffyza Mohamad
Yee Mei Heong

B A B S A T U



PENYELIDIKAN DALAM TVET

Mimi Mohaffyza Mohamad, Noorazah Sadli,
Zurani Buang & Rafizi Mohd Taha

PENGENALAN

Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) atau lebih biasa dikenali sebagai Technical and Vocational Education and Training (TVET) merupakan salah satu cabang pendidikan yang amat penting kepada negara pada masa kini. Penekanan kerajaan adalah mensasarkan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2050 hasil dari pemeraksanaan TVET yang menekankan kemahiran selari dengan keperluan industri. Selain daripada bidang pekerjaan yang disasarkan penyelidikan TVET juga memainkan peranan penting dengan sumbangan hasil kajian boleh dimanfaatkan. Sebagai contoh, kepada penambahbaikan penyampaian kurikulum dan pengajaran, mengenal pasti keperluan analisis jurang pekerjaan, keperluan kemahiran teknikal dan bukan teknikal yang diperlukan dan pelbagai lagi skop kajian yang boleh menyumbang kepada banyak aspek pendidikan. Bagi peringkat pelajar-pelajar Sarjana Muda khususnya dalam bidang pendidikan TVET, asas dalam menyediakan kertas cadangan, menjalankan kajian, menganalisis dapatan serta merumuskan kajian adalah amat penting sebagai pendedahan awal untuk mengaplikasikan pengetahuan dan

B A B D U A



PERANCANGAN PENYELIDIKAN

Tee Tze Kiong, Nurul Nabilah Mohd Yazid
& Nuraliah Abd Nasir

PENGENALAN

Penyelidikan adalah satu konsep yang digunakan untuk menguji idea tentang siri dan aspek alam ini. Dalam menyatakan sesuatu kaedah, bukti diperlukan untuk menyokong sesuatu kes. Maka, jalan penyelesaian sesuatu masalah tersebut adalah dengan menjalankan penyelidikan. Penyelidikan ialah kaedah sistematik untuk mendapatkan jawapan untuk sesuatu persoalan atau permasalahan. Menurut Tuckman (1994), penyelidikan adalah satu usaha yang sistematik untuk mendapatkan jawapan kepada soalan. Penyelidikan itu perlulah sistematik dan teratur serta dipandu oleh soalan yang merupakan 'masalah' yang perlu diselesaikan. Tambahan lagi, penyelidikan juga memberikan kata kerja selidik, yang bermaksud mencari, yang menunjukkan kerja-kerja menyelidik, menilai dan memeriksa. Bagi mengukuhkan definisi penyelidikan, penyelidikan merupakan satu proses untuk mendapatkan penyelesaian dan interpretasi yang terancang dan sistematik (Mouly, 1963). Hamid (2016) juga mendefinisikan penyelidikan sebagai satu proses terancang

B A B T I G A



ISU DAN MASALAH DALAM PENYELIDIKAN

Mohd Zulfadli Rozali
& Nor Hidayah Hamdan

PENGENALAN

Sebilangan pengkaji sering kali berbahas dalam memilih dan memahami secara kritikal berkenaan reka bentuk serta kaedah penilaian yang akan diguna pakai bagi kajian mereka. Perbahasan antara penyelidik kuantitatif dan kualitatif sering berlaku saban tahun dalam mengetengahkan kelebihan reka bentuk kajian masing-masing. Perbincangan berkenaan kelebihan reka bentuk kajian sering diperjelaskan walau bagaimanapun perbincangan berkenaan isu-isu yang berkaitan reka bentuk kualitatif, kuantitatif, kaedah gabungan serta etika dalam penyelidikan tidak diketengahkan secara langsung dalam membantu pengkaji dalam mengenal pasti kesesuaian dan keperluan dalam menjalankan sesuatu penyelidikan. Isu dan cabaran akan muncul di kalangan pengkaji semasa pemilihan reka bentuk yang dibuat bagi kajian mereka supaya objektif dan persoalan kajian dapat dicapai. Perbincangan berkenaan reka bentuk penyelidikan kualitatif, kuantitatif dan kaedah gabungan akan dibincangkan merangkumi isu dan cabaran serta pengaruh daripada reka bentuk kajian yang dipilih oleh pengkaji. Selain itu, isu berkenaan etika penyelidikan juga dibincangkan dalam membantu

B A B E M P A T



SOROTAN LITERASI

Rafeizah Mohd Zulkifli
& Mohd Azlan Mohammad Hussain

PENGENALAN

Sorotan literasi adalah sebahagian daripada penulisan yang terdapat dalam tesis atau disertasi yang dibincangkan di Bab 2 dan juga di dalam penulisan-penulisan artikel. Sorotan literasi merupakan penulisan akademik yang memberikan gambaran menyeluruh berkaitan isu atau topik yang dikaji. Machi dan McEvoy (2016) mendefinisikan sorotan literasi sebagai dokumen bertulis yang membincangkan sesuatu isu secara logik dan berdasarkan pemahaman semasa berkaitan topik kajian secara komprehensif. Penulisan sorotan literasi ini dilaksanakan secara sistematik dan kritikal dengan cara menganalisis, menilai dan mensintesis hasil kajian, teori dan juga amalan semasa berkaitan isu yang dikaji. Proses tersebut membolehkan pembentangan yang jelas diberikan berkaitan isu yang dikaji, jurang dalam penyelidikan semasa, perbandingan antara dapatan-dapatan penyelidikan yang lepas dan juga teori-teori yang pelbagai serta menjelaskan hala tujuan kajian (Efron and Ravid, 2019).

B A B L I M A



PENDEKATAN PENYELIDIKAN KUANTITATIF

Yee Mei Hong

PENGENALAN

Bagi memahami metodologi kuantitatif, seseorang pengkaji itu perlu membuat gambaran keseluruhan tentang kajiannya. Oleh sebab penyelidikan merupakan aktiviti yang berkaitan dengan pencarian saintifik secara sistematik untuk menghubungkan maklumat mengenai topik tertentu, maka adalah pentingnya ia dijelaskan melalui cara yang lebih teknikal. Untuk memastikan maklumat penyelidikan yang diperoleh wajar dan munasabah, ia perlu disokong oleh data-data kuantiti dan kualiti yang dikumpul daripada individu, kumpulan individu, bahan-bahan dokumentasi dan pelbagai sumber maklumat yang lain.

JENIS PENDEKATAN PENYELIDIKAN

Pendekatan penyelidikan dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu penyelidikan kuantitatif, penyelidikan kualitatif dan penyelidikan campuran.



TEKNIK DELPHI DALAM PENYELIDIKAN

Hashima Hamid & Ahmad Rizal Madar

PENGENALAN

Teknik Delphi adalah satu teknik yang semakin berkembang penggunaannya dalam kalangan para penyelidik yang bermula dengan nama Oracle Delphi iaitu dari satu kajian yang dilakukan oleh RAND Coperation dalam tahun 1950-an. Namun kini, ia sudah mula mendapat perhatian oleh para penyelidik untuk mengumpulkan data kajian mereka. Pada dasarnya teknik ini adalah satu siri soal selidik yang terdiri daripada beberapa pusingan untuk mendapat kesepakatan daripada pakar-pakar tentang isu-isu atau masalah masa depan tanpa melibatkan pengaruh peribadi.

lanya direka sebagai satu proses komunikasi kumpulan yang bertujuan untuk mencapai kesepakatan atau konsensus pendapat pakar tentang isu-isu atau masalah masa depan tanpa melibatkan pengaruh peribadi. Sejak pengenalannya, Teknik Delphi telah digunakan dalam pelbagai bidang kajian seperti perancangan program, penilaian, penentuan dasar dan penggunaan sumber untuk membangunkan pelbagai alternatif yang merangkumi pelbagai disiplin ilmu.

B A B T U J U H



PEMBANGUNAN METODOLOGI KAJIAN

Haryanti Mohd Affandi, Nurhafizah
Abdul Musid & Ridzwan Abdul Mutalib

PENGENALAN

Metodologi penyelidikan adalah penting untuk dijadikan sebagai garis panduan bagi mengenal pasti, menentukan dan menjawab persoalan-persoalan kajian. Metodologi penyelidikan merujuk kepada kerangka prosedur berhubung dengan penyelidikan yang dijalankan iaitu prinsip dan prosedur pemikiran logik yang diaplikasikan terhadap penyiasatan spesifik, manakala, reka bentuk kajian merupakan prosedur spesifik yang terlibat dalam proses penyelidikan: pengumpulan data, analisis data dan penulisan laporan dan ditadbir berpandukan konsep kesesuaian berdasarkan tujuan kajian. Oleh itu, metodologi penyelidikan dimulakan dengan pemilihan model pembangunan penyelidikan. Kepentingannya, agar kajian dapat difahami dengan jelas serta menyelaraskan aliran hubungan setiap komponen dalam penyelidikan serta dapat dipastikan mengikut perancangan yang ditetapkan. Terdapat tiga model pembangunan metodologi iaitu Model *Nested* (Kagioglou et al., 1998), Model *Onion* (Saunders et al., 2003) dan Model *Modified Onion* (Saunders et al., 2007)

B A B L A P A N



TEKNIK PERSAMPELAN

Nurulwahida Azid & Raja Haslinda Raja Mohd Ali

PENGENALAN

Bab ini membincangkan teknik persampelan yang perlu difahami sebelum penyelidik membuat pemilihan sampel dalam penyelidikan. Teknik persampelan adalah penting bagi menentukan pemilihan sampel sesuatu kajian dijalankan adalah sah dan menepati fokus sesuatu kajian dijalankan Chua (2017). Persampelan adalah teknik memilih anggota individu atau sekumpulan populasi untuk membuat kesimpulan statistik dari mereka dan menganggarkan ciri-ciri keseluruhan populasi. Kaedah persampelan berbeza digunakan secara meluas oleh penyelidik dalam penyelidikan pendidikan. Teknik persampelan merupakan kaedah yang sesuai dengan masa dan menjimatkan kos. Oleh itu teknik persampelan menjadi asas bagi setiap reka bentuk penyelidikan. Teknik persampelan dapat digunakan dalam penyelidikan tinjauan untuk memperoleh hasil yang optimum (Chua, 2017).

Sebagai contoh, jika pengeluar ubat ingin meneliti kesan sampingan terhadap populasi negara, hampir mustahil untuk melakukan kajian penyelidikan yang melibatkan semua orang. Justeru, dalam kes ini, penyelidik memutuskan

B A B S E M B I L A N



PENGANALISISAN DATA ISM

Mohd Norulhisham Abd Rashid, Firdaus Mohamad Hamzah,
Mohd Nizam Ab Rahman, Mohamad Sattar Rasul &
Nurull Zuraida Shafie

PENGENALAN

Interpretive Structural Modelling (ISM) adalah satu proses interaksi berbantuan komputer untuk membolehkan individu atau kumpulan membangunkan model atau peta hubungan antara konstruk-konstruk dan item-item yang terlibat dalam sesuatu isu yang kompleks. Penggunaan teknik ISM ini antara lain adalah untuk merungkai satu sistem yang kompleks kepada beberapa sub-sistem menggunakan pengalaman praktikal dan pengetahuan pakar bagi membina model struktur berhierarki (*multilevel structural model*). Selain itu, ISM juga boleh digunakan untuk mengenal pasti dan menganalisis hubungan antara pemboleh ubah tertentu bagi mentakrifkan sesuatu masalah atau isu yang kompleks (Warfield, 1974; Sage, 1977; Janes, 1988; Warfield & Perino, 1999). Dalam erti kata lain, ISM akan menghasilkan *directed graph* atau *digraph* bagi menggambarkan hubungan antara elemen-elemen dan seterusnya menstrukturkan isu-isu yang kompleks ini dalam model struktur berhierarki (Porter, Rossini, Carpenter & Roper, 1980).

Kaedah Penyelidikan dalam

SAINS SOSIAL

Kaedah Penyelidikan dalam Sains Sosial merupakan salah satu kaedah yang boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat terkini yang bertujuan untuk menambahbaik kualiti dalam membuat penyelidikan. Buku ini merupakan kupasan yang membincangkan aspek-aspek yang berkaitan dengan penyelidikan. Perkongsian maklumat dalam buku ini diharapkan dapat membantu penyelidik-penyelidik, pendidik-pendidik, bakal-bakal graduan dalam perkongsian teknik-teknik dan cara-cara yang digunakan untuk membuat penyelidikan dalam sains sosial serta rujukan sokongan bagi menghasilkan penyelidikan dan penulisan akademik yang berkualiti.



ISBN 978-629-490-163-6



PENERBIT
UTHM

